

# Malaysia tak henti perdagangan dengan Beijing

**Kuala Lumpur:** Penularan coronavirus baharu (2019-nCoV) tidak memberi kesan kepada unjuran ekonomi negara buat masa ini, kata Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Beliau menegaskan Malaysia juga tidak bercadang untuk menghentikan perdagangan dengan China susulan penularan coronavirus.

“Ketika ini tiada keperluan (menghentikan perdagangan dengan China) kerana Kementerian Kesihatan dan agensi berkaitan memantau secara dekat dan Alhamdulillah, kerajaan mengambil langkah proaktif menangani jangkitan ini.

“Namun, ini bukan perkara yang diremehkan dan kita akan terus memantau keadaan semasa dan jika ada keperluan untuk am-

bil tindakan selanjutnya, itu akan diputuskan oleh Kementerian Kesihatan dan agensi berkaitan,” katanya.


Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian Kerjasama Strategik Antara PETRONAS dan Agrobank di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub; Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PETRONAS, Tan Sri Wan Zulkiflee Wan Ariffin serta Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Khadijah Iskandar.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dalam sidang medianya semalam menyatakan keyakinan dengan usaha kerajaan China mengawal dan membendung penu-

laran coronavirus.

Mohamed Azmin bagaimanapun berkata, jika penularannya berterusan dan tidak dibendung dengan sebaiknya, ia akan menjejaskan pertumbuhan negara da-

 ***Seperti yang berlaku dengan penyakit lain sebelum ini, sekiranya berterusan pasti akan memberi kesan kepada ekonomi negara.***

**Mohamed Azmin Ali,**  
Menteri Hal Ehwal Ekonomi

lam tempoh jangka panjang.

Katanya, biarpun tidak memberi kesan kepada unjuran ekonomi, tumpuan perlu diberikan terhadap pergerakan dagangan produk makanan bagi memastikan ia terjamin, bersih dan selamat.

“Seperti yang berlaku dengan penyakit lain sebelum ini, sekiranya berterusan pasti akan memberi kesan kepada ekonomi negara.

“Namun, saya tidak mahu membuat sebarang spekulasi kerana ini perkara serius yang perlu dipantau oleh agensi dan Kementerian berkenaan. Kita akan ambil maklumat dan nasihat daripada mereka tentang apakah langkah seterusnya untuk diambil,” katanya.

Sementara itu, Menteri Kewa-

ngan, Lim Guan Eng, menegaskan aspek nyawa perlu menjadi inti pati utama dalam usaha menangani jangkitan coronavirus, berbanding impak penyakit itu terhadap ekonomi negara.

Bercakap kepada pemberita selepas menghadiri Rumah Terbuka Tahun Baharu Cina 2020 Parlimen Bukit Bendera di Georgetown, Pulau Pinang, semalam, beliau berkata, pada masa ini, nyawa, keselamatan dan kesihatan rakyat Malaysia menjadi agenda utama dan langkah perlu difokuskan untuk mengatasi permasalahan coronavirus.

“Tentu ada impaknya kepada ekonomi, tetapi biarlah kita mengatasinya dahulu dan selepas itu Kementerian Kewangan akan bincangkan impaknya terhadap ekonomi,” katanya.